

04/11/2001

PM rai pengantin baru

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersalaman dengan pasangan pengantin baru, Afzainizam Abdul Aziz dan Zuraidah Muhamad Rais (gambar) , anak Ketua Pengarah Unit Pemodanan Tadbiran dan Perancang Malaysia (Mampu), Datuk Dr Muhamad Rais Abdul Karim di kediaman keluarga mempelai di Putrajaya, semalam.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri menghadiri majlis perkahwinan anak lelaki Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam di Dewan Kala Mandapam, Brickfields di ibu negara.

Dr Mahathir meluangkan masa hampir 90 minit menyaksikan majlis perkahwinan anak lelaki Siva, Sri Murugan dan S Thrivendradevi. Turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan dan pemimpin pelbagai kesatuan sekerja juga hadir.

(END)